

Rujukan: UKM BEN 100-1/3/3

Tarikh : 9 Mac 2022

PEKELILING BENDAHARI BIL. 07/2022

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Unit/ Unit Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PENGANJURAN KURSUS/BENKEL DI LUAR KAWASAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dengan hormatnya perkara di atas dan Surat Edaran Kementerian Kewangan rujukan MOF.NBO(S)600-1/4/1 Jld.4 (34) bertarikh 15 Februari 2022 adalah dirujuk.

2. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa sebarang penganjuran kursus/bengkel anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di kawasan luar UKM adalah **DIBENARKAN** tanpa perlu mendapatkan kelulusan mengadakan kursus/bengkel luar daripada Bahagian Perolehan/Zon Kewangan, Jabatan Bendahari. Namun begitu, kebenaran tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- i. Kadar kelayakan pakej kursus/bengkel perlu merujuk kepada Pekeliling Bendahari Bil. 03/2012: Kadar Kelayakan Pakej Hotel dan Kadar Keraian Pensyarah / Profesor Pelawat. Sebarang penganjuran yang melebihi kadar daripada yang dinyatakan dalam Pekeliling tersebut perlu dimajukan ke Bahagian Perolehan/Zon Kewangan, Jabatan Bendahari untuk semakan dan kelulusan lebihan kadar.
- ii. Perbandingan harga dilaksanakan terlebih dahulu seperti yang dinyatakan melalui Pekeliling Bendahari Bil. 12/2019 Garis Panduan Perolehan UKM bagi nilai melebihi RM20,000.00.
- iii. Mendapatkan kelulusan penggunaan peruntukan seperti berikut:

Bil	Peruntukan	Kelulusan
1.	Mengurus/Hasil	▪ Bahagian Bajet, Jabatan Bendahari
2.	Projek Penyelidikan	▪ Ketua Projek. ▪ Kursus / Bengkel telah diluluskan di Sistem e-Aktiviti
3.	Tabung Amanah	▪ Jawatankuasa Tabung. ▪ Perbelanjaan melebihi RM15,000.00 perlu mendapat kelulusan Bendahari, UKM sepertimana yang telah dinyatakan dalam Surat Ikatan Amanah.



BAHAGIAN PEROLEHAN, JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5967/3553 E-mel: bahagianperolehan@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari

3. Sehubungan itu, bagi penganjuran kursus/bengkel dalam kadar yang dibenarkan seperti dalam Pekeliling Bendahari Bil 3/2012, PTj boleh terus menyediakan Pesanan Rasmi bagi amaun dalam had kuasa yang telah diberikan. Manakala bagi amaun yang melebihi had kuasa, BPPR beserta dokumen sokongan perlu dikemukakan kepada Bahagian Perolehan/Zon Kewangan yang berkaitan.

4. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan. Maka dengan itu, Pekeliling Bendahari Bil. 5/2013: Cadangan Tempat Latihan Bagi Penganjuran Kursus/Bengkel Anjuran UKM bertarikh 11 Mac 2013 adalah **TERBATAL**.

Sukacita sekiranya pekeling ini dapat disampaikan kepada semua pegawai dan kakitangan seliaan YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan. Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"Akauntabiliti Pegangan Kita"

Yang benar,



MOHD AZLI BIN MOHD KASIRUN C.A. (M)

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)
 - Pendaftar
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
 - Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat)
 - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

BAHAGIAN PEROLEHAN, JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 5967/3553 E-mel: bahagianperolehan@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari